

SOALAN NO: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 8 MAC 2016

SOALAN :

YB Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) jumlah doktor yang sedang menunggu untuk menjalani latihan sebagai doktor pelatih "houseman" serta tempoh masa penungguan yang perlu diambil; dan
- (b) jumlah doktor pelatih "houseman" yang telah berhenti kerja tanpa menamatkan atau melengkapkan latihan.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Jumlah graduan perubatan yang telah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan sedang dalam proses penempatan ke hospital untuk latihan melalui sistem e-Houseman (dengan izin) ialah seramai 812 orang.

Selain itu, jumlah graduan yang telah berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) serta masih menunggu untuk dilantik oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) pula adalah seramai 759 orang di mana graduan tersebut akan ditemuduga oleh SPA pada bulan Mac 2016 ini.

Oleh kerana pemilihan hospital untuk penempatan latihan siswazah adalah dibuat sendiri oleh Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) secara atas talian melalui sistem *e-houseman* (dengan izin) tertakluk kepada kekosongan jawatan, maka kesukaran mendapatkan tempat untuk menjalani latihan siswazah bergantung kepada pilihan masing-masing. Jika graduan memilih untuk ditempatkan ke hospital di luar Lembah Klang yang mempunyai banyak kekosongan, maka graduan lebih cepat memperoleh penempatan. Sebaliknya jika graduan tersebut berhasrat untuk bertugas di hospital yang tiada kekosongan, maka graduan tersebut terpaksa menunggu lagi lama untuk mendapat penempatan bagi menjalani latihan siswazah.

Setiap tahun dianggarkan terdapat antara 9,000 hingga 10,000 PPS yang sedang menjalani latihan di 44 Hospital Latihan Siswazah di seluruh negara, di mana anggaran antara 30 hingga 120 orang PPS telah meletak jawatan (0.2-1.2 peratus).

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah Pegawai Perubatan Gred UD41 yang **meletak jawatan sebelum menamatkan latihan siswazah** dari tahun 2010 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015
Bilangan	28	28	67	103	117	115